

Ruj Kami : Bil. ( 59 ) PTG.NS 10/17  
Tarikh : hb September 2009

Pentadbir Tanah Daerah,

Seremban  
Port Dickson  
Rembau  
Jelebu  
Kuala Pilah  
Jempol  
Tampin

Timbalan Pentadbir Tanah Daerah Kecil

Gemas

Y.Bhg. Dato' / Tuan,

### **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN 6/2009.**

#### **TINDAKAN KOMPAUN BAGI KESALAHAN PENEROKAAN TANAH KERAJAAN SECARA HARAM DI BAWAH SEKSYEN 425 KANUN TANAH NEGARA 1965.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus telah membangkitkan isu permohonan pemberimilikan tanah Kerajaan yang telah diteroka atau diceroboh terlebih dahulu oleh pemohon.

3. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah mengarahkan Pihak Pentadbiran Tanah supaya mengambil tindakan mengenakan kompaun bagi kesalahan penerokaan tanah Kerajaan secara haram walaupun pihak yang terbabit telah mengemukakan permohonan pemberimilikan bagi tanah tersebut. **Tindakan mengenakan kompaun ini adalah bertujuan untuk membendung kes penerokaan tanah Kerajaan secara haram dari berleluasa dan ianya tidaklah menjadi satu asas pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri bagi meluluskan permohonan pemberimilikan tanah tersebut.**

4. Selaras dengan arahan tersebut, kerjasama pihak Y.Bhg. Dato' / tuan adalah dipohon supaya dapat mengemukakan fail siasatan bagi kes yang berkaitan kepada Unit Perundangan dan Pendakwaan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan untuk mendapatkan *izin untuk mengkompaun* bagi kesalahan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah.

**(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)**

Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

s.k Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

YB. Penasihat Undang-Undang Negeri, Negeri Sembilan

YB. Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pg)

Timbalan Pengarah (Pd)

Penolong Pengarah (P/HM)

Penolong Pengarah (HM/S)

Penolong Pengarah (H)

Penolong Pengarah (P)

Penolong Pengarah (PT)

Penolong Pengarah (TM)

Penolong Pengarah (U)